



**TEKS UCAPAN
YS PPjB MOHD ZAIDI BIN HJ. MA'AT
PENGARAH JBPM NEGERI MELAKA**

**SEMPENA
KURSUS PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN
PRESTASI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
(MYPERFORMANCE)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

**PADA
07 MEI 2025 (RABU)**

**MASA PERASMIAN
8.30 PAGI**

**TEMPAT
BILIK KULIAH 1, JBPM NEGERI MELAKA**

Terima kasih saudara pengacara majlis,

Assalamualaikum WBT,

Salam “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam Malaysia Madani,

Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,

Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra,

Yang Berusaha Puan Norhartaty binti Rahmat,

Timbalan Pengarah, Cawangan Dasar Dan Perundingan,

Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Penguasa Kanan Bomba 1, R. Saiful Iswandy bin R. Hasan

Timbalan Pengarah JBPM Negeri Melaka;

Penolong-Penolong Pengarah Bahagian JBPM Negeri Melaka;

Ketua-ketua Zon; Ketua-ketua Balai;

Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka;

Tuan-Tuan/Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.,

1. Terlebih dahulu saya dengan penuh takzim melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmatnya kita dapat bersama-sama bagi menjayakan **Kursus Pelaksanaan Sistem Pengurusan Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia (MyPerformance)** pada hari ini.

2. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran Puan Norhartaty binti Rahmat, ke JBPM Negeri Melaka ini. Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini.
3. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihakurus setia yang telah bertungkus-lumus menganjurkan kursus ini. Usaha ini amat bertepatan dengan keperluan semasa dalam memperkasakan sistem pengurusan prestasi di kalangan penjawat awam, khususnya di JBPM Negeri Melaka.
4. Sistem MyPerformance merupakan inisiatif kerajaan untuk menilai prestasi pegawai perkhidmatan awam secara objektif dan berintegriti. Pelaksanaan sistem ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, akauntabiliti, dan produktiviti dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Tuan-Tuan/Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.,

5. Dalam konteks JBPM, penilaian prestasi yang tepat dan adil adalah penting bagi memastikan setiap pegawai dan anggota diberi pengiktirafan yang sewajarnya berdasarkan sumbangan dan pencapaian mereka. Ini juga akan membantu dalam perancangan pembangunan kerjaya dan latihan yang lebih berfokus.
6. Saya berharap semua peserta kursus dapat memberikan komitmen sepenuhnya dalam memahami dan mengaplikasikan sistem MyPerformance ini. Gunakan peluang ini untuk bertanya, berdiskusi, dan berkongsi pengalaman agar kita dapat melaksanakan sistem ini dengan lebih berkesan di jabatan kita.

7. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan Kursus Pelaksanaan Sistem Pengurusan Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia (MyPerformance) bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.